HARI : TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

Nota

1. Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.
   (a) Malayan Union dibantah kerana menghakis kuasa Raja-raja Melayu serta hak dan kedudukan istimewa orang Melayu.
   (b) Ahli parlimen British, Gammans dan Rees Williams dalam laporan mereka menyatakan pelaksanaan Malayan Union akan mencetuskan keadaan huru-hara di Tanah Melayu.
2. Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO.
   (a) Malcolm MacDonald dan Sir Edward Gent bersetuju mengadakan perundingan dengan Raja-raja Melayu untuk mengatasi ketegangan antara orang Melayu dan kerajaan British.
3. Sokongan pentadbir British.
   (a) Bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu dan pegawai tinggi British menasihati kerajaan British untuk menamatkan pentadbiran Malayan Union.
4. Menguasai ekonomi Tanah Melayu.
   (a) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dapat melahirkan sebuah kerajaan yang aman dan stabil.
5. Melaksanakan dasar dekolonisasi.
   (a) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dapat menjayakan hasrat British melaksanakan dasar dekolonisasi seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Scanned with CamScanner

LIVEWORKSHEETS